

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]**

SOALAN

DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perancangan yang dicadang oleh kementerian untuk memastikan sistem perparitan dan saliran di kawasan luar bandar terutamanya di Sabah ditambah baik bagi mengelak berlakunya banjir.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, sistem perparitan dan saliran adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan. Kerajaan Pusat akan sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam menangani isu banjir yang disebabkan oleh masalah sistem perparitan dan saliran di kawasan luar bandar terutamanya di Sabah.
2. KASA telah memohon peruntukan dalam RMKe-12 untuk melaksanakan Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam di kawasan bandar dan sekitarnya. Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam ini adalah sebagai garis panduan bagi pihak Kerajaan Tempatan dalam membuat perancangan dan pembangunan infrastruktur saliran bagi mengurangkan risiko berlakunya kejadian banjir kilat.

3. Senarai permohonan PISMA RMKe-12 di Sabah adalah seperti berikut:

- i. Pelan Induk Saliran Mesra Alam Lahad Datu
- ii. Pelan Induk Saliran Mesra Alam Keningau
- iii. Pelan Induk Saliran Mesra Alam Beluran
- iv. Pelan Induk Saliran Mesra Alam Telupid
- v. Pelan Induk Saliran Mesra Alam Putatan
- vi. Pelan Induk Saliran Mesra Alam Semporna

Sekian, terima kasih.